

07 AUG 1996

Mahathir-Samy Vellu

SAMY VELLU NAHI KATA MIC SUDAH BOSAN JANJI PALSU KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu menafikan bahawa beliau pernah menyatakan bahawa MIC sudah bosan dengan janji-janji palsu kerajaan kepada masyarakat India selama ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penafian Samy Vellu, yang juga Presiden MIC, dibuat pada mesyuarat Jemaah Menteri pagi tadi.

"Dia kata dia tak kata demikian, dia cuma kata kepada masyarakat India jangan terlalu sangat bergantung kepada kerajaan, mereka mesti usaha sendiri," kata Perdana Menteri kepada pemberita, di sini, selepas melakukan kunjungan perpisahan ke atas rakan sejawatannya dari Fiji, Sitiveni L. Rabuka, yang mengakhiri lawatan rasmi tiga hari ke negara ini.

Ahad lepas, Samy Vellu, ketika menggulung perbahasan pada Perhimpunan Agung MIC yang ke-43, dilaporkan berkata beliau sudah bosan dengan janji-janji palsu kepada masyarakat India selepas 17 tahun menerajui parti itu.

Semalam, Pergerakan Pemuda Umno, yang marah dan kesal terhadap kenyataan Samy Vellu yang disifatkan sebagai amat tidak bertanggungjawab itu, mahu Samy Vellu meletakkan jawatan dalam kerajaan dan MIC.

Ketua Pemuda MIC S.Subramaniam berkata parti itu tidak memerlukan nasihat pihak luar tentang bagaimana ia harus menyelesaikan masalah masyarakat India.

Beliau berkata kenyataan Samy Vellu pada perhimpunan agung parti itu bahawa masyarakat India tidak harus terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan, merupakan hasrat para perwakilan dan juga masyarakat itu.

Pergerakan Wanita MIC pula berharap Pemuda UMNO tidak mencampuri urusan MIC.

"Kami ingin nasihatkan Ketua Pemuda UMNO (Tan Sri Rahim Thamby Chik) supaya tidak melihat sesuatu itu di luar konteks dan biarlah anggota MIC menentukan sendiri pemimpinnya," kata ketuanya Puan Sri Sarasa Pasamanickam dalam satu kenyataan. -- BERNAMA

ES MAI